

Negeri diarah segera laksanakan projek RMK-9

BH 11/3/2007

Kerjasama dengan Pusat patut dipertingkatkan demi faedah rakyat: PM

Oleh Misiah Taib

MELAKA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan semua kerajaan negeri mempercepatkan pelaksanaan projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan meningkatkan lagi keberkesanan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri juga mengingatkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya memastikan kontraktor yang terbabit dalam pelaksanaan projek kerajaan, mendapat bayaran segera.

Peringatan itu disampaikan beliau pada mesyuarat dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Putrajaya, pagi semalam.


Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berharga RM59.311 juta di Ayer Keroh dekat sini, lewat petang semalam, Abdullah berkata, Menteri Besar dan Ketua Menteri juga perlu meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan awam di setiap negeri demi kemudahan rakyat.

Ditanya sama ada isu lain termasuk pilihan raya turut dibincangkan, beliau berkata: "Tidak ada isu lain. Itu saja."

Dalam ucapan perasmianya sebelum itu, Abdullah turut menyentuh perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri.

"Saya minta supaya kecekapan dipertingkatkan di semua tahap, semua bidang, manakala kerjasama kerajaan negeri dan Pusat perlu dipertingkatkan.

"Banyak perkara perlu dilaksanakan dan kerjasama kedua-dua pering-



PERMUDAH URUSAN: Abdullah melancarkan i-KAD ketika merasmikan Kompleks Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Ayer Keroh, semalam, sambil diperhatikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

“Jika tiada masalah antara Pusat dan negeri, semua perkara berjalan lancar,”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

kat penting bagi memastikan keberkesannya untuk faedah rakyat,” katanya.

Beliau berkata, jika tidak ada masalah dalam kerjasama antara Kerajaan Pusat dan negeri, maka semua perkara dapat berjalan dengan lancar, yang akhirnya kebaikan serta faedahnya akan dinikmati rakyat.

Pada mesyuarat sama, katanya, beliau turut mengingatkan kerajaan negeri supaya sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan prihatin dengan kehendak serta keperluan rakyat.

“Kerajaan yang ada sekarang akan terus berusaha bagi menjayakan sesuatu perkhidmatan dengan lebih baik, cekap dan berkesan,” katanya.

RASUL AZLI SAMAD | BERITA HARIAN